

BNM kekalkan OPR 3 peratus

UTUSAN

KUALA LUMPUR 23 Nov. - Bank Negara Malaysia (BNM) mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada tiga peratus setelah mengambil kira persekitaran ekonomi global yang meningkat pada kadar sederhana.

Keputusan itu diputuskan dalam mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) yang diadakan hari ini.

Bank pusat itu memberitahu, pada kadar semasa OPR, tahap akomodatif monetari adalah konsisten dengan pendirian dasar untuk memastikan ekonomi dalam negara terus berada pada landasan pertumbuhan mapan dalam keadaan inflasi yang stabil disokong oleh pengantaraan kewangan dalam ekonomi yang terus kukuh.

Jelasnya, risiko ketidakseim-

bangkan kewangan dapat dibendung, namun MPC akan terus memantau risiko tersebut bagi memastikan prospek pertumbuhan keseluruhan yang mapan.

"Inflasi keseluruhan bagi tahun ini dijangka pada paras lebih rendah dianggarkan antara dua hingga 2.5 peratus. Inflasi dijangka kekal stabil secara relatif pada 2017 memandangkan persekitaran harga tenaga dan komoditi global yang rendah dan inflasi global yang pada amnya rendah," jelasnya dalam kenyataan di sini hari ini.

Kali terakhir BNM menurunkan OPR pada Julai lalu kepada tiga peratus daripada 3.25 peratus, dengan alasan ekonomi global mencatat kadar pertumbuhan yang sederhana dan kelemahan sektor luaran.